



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/06/61 (HQ)

PELITAWANIS TNB RAI 30 ASNAF DAN WARGA EMAS

Persatuan Wanita Kumpulan Tenaga Nasional Berhad (PELITAWANIS TNB), Cawangan Ibu Pejabat mencerikan sambutan Aidilfitri untuk 30 asnaf dan warga emas di Perumahan Rakyat Pantai Permai menerusi sumbangan barangan keperluan dan duit raya.

Setiap penerima menerima duit raya bernilai RM100 selain barangan dapur seperti beras, minyak masak, tepung dan gula.

"Sumbangan in diharap dapat mengeratkan silaturrahim kami bersama masyarakat setempat yang kurang bernasib baik," kata Penasihat PELITAWANIS TNB Cawangan Ibu Pejabat, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman merangkap Ketua Pegawai Korporat TNB.

Berucap di majlis penyampaian sumbangan tersebut Datuk Wira Roslan berharap sambutan Aidilfitri kali ini akan lebih meriah dengan sumbangan berkenaan.

Jelasnya sumbangan tersebut menggunakan dana kutipan ketika majlis-majlis amal sebelum ini selain daripada ahli persatuan, warga kerja TNB dan syarikat-syarikat luar.

Turut hadir, Pengerusi PELITAWANIS TNB Cawangan Ibu Pejabat, Datin Wira Ungku Ashiela Ungku Hamzah.

Sebelum ini PELITAWANIS TNB Cawangan Ibu Pejabat telah menyampaikan sumbangan untuk 4 lagi golongan asnaf dalam majlis yang berbeza.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Jun 2016

*Untuk Sebarang Pertanyaan Lanjut, Sila Hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*